


9.3 Polimer

9.3.1 Menerangkan polimer semula jadi dan polimer sintetik. (Pilih jawapan yang betul sahaja)



Rajah menunjukkan contoh barangan yang diperbuat daripada polimer. Antaranya ialah tayar, bekas sabun, permainan lego, kerusi plastik dan paip pvc.

1. Maksud polimer ialah _____ yang berbentuk rantai terdiri daripada molekul kecil. Molekul kecil ini dikenali sebagai _____.



2. Terdapat 2 jenis polimer iaitu :

JENIS POLIMER



maksud : polimer yang wujud secara _____.

Polimer	Monomer	Kegunaan
Kanji		
Protein		
Getah asli		

maksud : polimer _____ yang menggunakan bahan kimia

Polimer	Monomer	Kegunaan
Polietena		
Polistirena		
Perspeks		
Getah sintetik		

9.3.2 Menerangkan proses pempolimeran penambahan.



Rajah 9.6 Proses pempolimeran penambahan

Padankan maksud proses yang betul

Pempolimeran	•	• proses apabila molekul polimer berbentuk rantai dipisahkan kepada monomer-monomernya melalui tindak balas kimia.
Penyahpolimeran	•	• proses pencantuman monomer melalui pembentukan ikatan kimia untuk menghasilkan polimer yang bermolekul besar berbentuk rantai
pempolimeran tambahan	•	• proses membentuk polimer yang melibatkan monomer jenis yang sama dengan pemecahan ikatan ganda dua menjadi ikatan tunggal.